

Pemain industri di Wilayah Persekutuan wajib guna produk biodegrasi

Boikot premis guna polistirena

Oleh NOOR SYAHIDATOOL
AQMA MOHD. NOOR

KUALA LUMPUR – Warga Wilayah Persekutuan disarankan supaya tidak mengunjungi kedai-kedai yang masih menggunakan polistirena dan plastik konvensional demi menjaga kelestarian alam sekitar. Menteri Wilayah Persekutuan, Khalid Abdul Samad berkata, pemain industri di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan telah lama diwajibkan menggunakan produk biodegradasi dalam urusan mereka.

Menurutnya, keputusan jemaah menteri pada Julai lalu juga bersetuju penggunaan produk biodegradasi diteruskan dan dikuatkuasakan di Wilayah Persekutuan sejak ia diperkenalkan pada 2016.

“Kerajaan harap masyarakat Wilayah Persekutuan akan




KHALID (tiga dari kiri) merasmikan Seminar Penyelarasan dan Penguatkuasaan Penggunaan Produk Biodegradasi Wilayah Persekutuan di Institut Latihan DBKL, Kuala Lumpur semalam. Hadir sama Adnan (dua dari kiri) dan Nor Hisham (kiri).

menggunakan produk biodegradasi sepenuhnya menjelang 2020.

“Penggunaan bekas polistirena dan straw plastik bukan sahaja menyebabkan pencemaran malah boleh mendatangkan pelbagai penyakit terutamanya kanser,” katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang akhbar selepas merasmikan Seminar Penyelarasan dan Penguatkuasaan Penggunaan Produk Biodegradasi Wilayah Persekutuan di Institut Latihan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) di sini semalam.

Turut hadir Ketua Setiausaha



ANTARA contoh bekas makanan polistirena dan plastik biodegradasi yang lebih mudah terurai serta mereput.

Kementerian Wilayah Persekutuan, Datuk Seri Adnan Md. Ikhsan dan Datuk Bandar Kuala Lumpur, Datuk Nor Hisham Ahmad Dahlan.

Produk biodegradasi seperti plastik serta bekas makanan serta minuman adalah mudah terurai secara biologi dan boleh mereput

sepenuhnya dalam tempoh tertentu berbanding penggunaan polistirena yang mengandungi bahan kimia berbahaya.

Khalid memberitahu, terdapat pihak pengurusan pusat beli-belah yang gagal mengambil tindakan terhadap premis yang tidak menggunakan produk biodegradasi.